

## Laporan Kes

NEGERI TERENGGANU  
DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU

DALAM PERKARA TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN  
KES NO. : 41-001-28-95

DI ANTARA

Awang bin Abdul Rahman,  
KP : 1112592

*Plaintif/Yang Menuntut*

DENGAN

1. Shamsuddin bin Awang  
KP: 2899836

*Defendan I/Yang Kena Tuntut*

2. Zainuddin bin Awang  
KP: 1112469

*Defendan II/Yang Kena Tuntut*

PERNYATAAN TUNTUTAN Plaintiff/Yang Menuntut telah dikemukakan kepada Mahkamah ini pada 19hb. Disember, 1995, kandungannya berbunyi:

1. Yang Menuntut dalam kes ini, ialah Awang bin Abdul Rahman KP: 1112592 anak kepada Nik bt. Ab. Rahman (telah mati) dan bekas isteri kepada Abd. Rahman @ Awang bin Ismail (telah mati), boleh dihubungi di alamat MPKT 5155 Kampung Banggol Pauh, 21300 Kuala Terengganu.
2. Pihak Yang Kena Tuntut Pertama, ialah Shamsuddin bin Awang, anak kepada Abd. Rahman @ Awang bin Ismail, yang boleh dihubungi di alamat Kampung Banggol Pauh, 21300 Kuala Terengganu.

3. Pihak Yang Kena Tuntut Kedua, ialah Zainuddin bin Awang anak kepada Abd. Rahman @ Awang bin Ismail, yang boleh dihubungi di alamat Kampung Bukit Tumbuh, 21200 Kuala Terengganu.
4. Yang Menuntut Awang bin Abdul Rahman, anak kepada Nik bt. Abd. Rahman dan anak tiri kepada Abd. Rahman @ Awang bin Ismail (keduaduanya telah mati).
5. Nik bt. Abd. Rahman telah pada 4/10/1977, meninggal seorang suami Abd. Rahman @ Awang bin Ismail dan sebidang tanah MG: 2283, Mukim Kuala Nerus, Kuala Terengganu, harta sepencarian, nilai tanah masa ini lebih daripada RM100,000.00 (Seratus Ribu Ringgit).
6. Tanah MG: 2283 di atas, asalnya kepunyaan Awang bin Abd. Rahman dan telah diberi secara kasih-sayang kepada ibunya Nik bt. Ab. Rahman dan Nik bt. Ab. Rahman telah memberi pula tanah itu kepada suaminya, secara kasih sayang, sebab itulah tanah MG: 2283 itu dimiliki oleh Abd. Rahman @ Awang bin Ismail.
7. Bila Nik bt. Ab. Rahman mati tahun 1977, Abd. Rahman @ Awang bin Ismail telah memanggil saya Awang bin Abdul Rahman, buat perkiraan segala harta peninggalan simati (Nik bt. Ab. Rahman) dan termasuklah tanah MG: 2283 itu. Abd. Rahman @ Awang bin Ismail telah membahagikan tanah MG: 2283 itu 50-50 (50% untuk Nik bt. Ab. Rahman dan 50% untuk dirinya sendiri), saya Awang bin Abdul Rahman tidak membantah dan menerima pembahagian secara lisan tersebut.  
  
Masa pembahagian ini telah dihadiri oleh beberapa orang keluarga terdekat iaitu Nuh bin Abd. Rahman (telah mati), Esah bt. Mohd Zain (masih hidup), Semek bt. Jusoh (masih hidup), Lijah bt. Jusoh (masih hidup) dan Fatimah bt. Hj. Omar (masih hidup). Pembahagian ini berdasarkan percaya mempercayai, tak ada hitam putih.
8. Bila Abd. Rahman @ Awang bin Ismail mati, anak-anaknya, iaitu Shamsuddin bin Awang dan Zainuddin bin Awang (pihak Yang Kena Tuntut di atas) tidak memperakui pembahagian yang telah dibuat oleh arwah ayahnya. Mereka berpendapat tanah MG: 2283 itu di atas nama ayahnya, maka tidak ada sebab hendak dibahagi dua dengan saya (Awang bin Abdul Rahman).
9. Oleh sebab pihak Yang Kena Tuntut enggan membahagikan tanah itu sebagai harta sepencarian di antara Nik bt. Ab. Rahman dengan Abd. Rahman @ Awang bin Ismail. Saya Yang Menuntut, Awang bin Abdul Rahman anak kepada Nik bt. Ab. Rahman dalam memperolehi pembahagian tanah MG: 2283 itu, sebagai haknya sebagai harta sepencarian di antara Nik

*Awang bin Abdul Rahman lawan Shamsuddin bin Awang dan Zainuddin bin Awang*

bt. Ab. Rahman dengan Abd. Rahman @ Awang bt. Ismail.

Oleh yang demikian saya, Awang bin Abdul Rahman (Yang Menuntut) mohon kepada Mahkamah :

1. Mengisytiharkan, bahawa tanah MG: 2283 itu adalah tanah atau harta sepencarian di antara Nik bt. Ab. Rahman dengan Abd. Rahman @ Awang bin Ismail.
2. Memerintah, agar tanah itu atau nilai harga tanah itu dibahagi dua (50-50) di antara Nik bt. Ab. Rahman dan Abd. Rahman @ Awang bin Ismail.
3. Lain-lain tuntutan di atas tanah MG: 2283 itu yang difikirkan patut dan munasabah oleh Mahkamah.

Perbicaraan ditetapkan pada hari Ahad 6hb. Jun 1996 jam 9.30 pagi dan saman kepada Defendan-defendan 1 dan 2 telah diserahkan. Walaupun begitu perbicaraan ditunda ke suatu tarikh lain yang belum ditetapkan.

Pada 2hb. Oktober 1996 kedua-dua Defendan mengemukakan Pernyataan Pembelaan melalui Peguam-Peguam Syari'inya. Kandungan Pernyataan Pembelaan adalah seperti berikut:

1. Defendan-defendan mengakui perenggan-perenggan 1, 2, 3 dan 4 Pernyataan Tuntutan.
2. Berhubung dengan Perenggan 5 Pernyataan Tuntutan, Defendan-defendan mengakui bahawa Nik bt. Abdul Rahman telah meninggal dunia pada tahun 1977. Tetapi Defendan-defendan seterusnya berkata bahawa tanah MG : 2283 Lot 7360, Mukim Kuala Nerus ("tanah tersebut") adalah pada sepanjang masa-masa yang berkenaan dimiliki oleh Abdul Rahman @ Awang bin Ismail (dan didaftarkan sedemikian), iaitu ayah kepada Defendan-defendan.
3. Defendan-defendan menafikan yang Nik bt. Abdul Rahman meninggal dunia dengan meninggalkan tanah tersebut.
4. Defendan-defendan menafikan pernyataan Plaintiff seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 6 Pernyataan Tuntutan dan seterusnya mengatakan bahawa tanah tersebut pada asalnya dikenali AA 68/58 dan dikeluarkan di atas nama Abdul Rahman bin Ismail pada 10/3/1958 lagi dan kemudiannya diganti dengan QT (M) 349 S.O. Lot 1, Mukim Kuala Nerus dan dikeluarkan atas nama Abdul Rahman bin Ismail sejak ia mula-mula dikeluarkan dan direntahkan oleh Abdul Rahman bin Ismail tersebut sejak tahun 1958 lagi.
5. Oleh itu Defendan-defendan menafikan yang tanah tersebut pernah pada bila-bila masa dimiliki atau didaftarkan atas nama samada Plaintiff ataupun

Nik bt. Abdul Rahman, iaitu ibu Plaintiff, samada atas balasan kasih sayang atau apa-apa balasan sekalipun.

6. Defendan-defendan juga menafikan kononnya tanah tersebut telah diberikan secara kasih sayang oleh Nik bt. Abdul Rahman tersebut kepada Abdul Rahman bin Ismail dan mengulangi bahawa tanah tersebut adalah pada setiap masa yang berkenaan didaftarkan di atas nama Abdul Rahman bin Ismail dan tidak ada kena mengena samada dengan Plaintiff ataupun Nik bt. Abdul Rahman.
7. Defendan-defendan seterusnya menafikan pernyataan Plaintiff di dalam perenggan 7 Pernyataan Tuntutan dan seterusnya mengatakan bahawa jika benar Abdul Rahman bin Ismail itu ada membuat pembahagian sedemikian kepada ibu Plaintiff seperti yang didakwa olehnya (yang mana ianya dinafikan) adalah tidak mungkin Abdul Rahman bin Ismail tersebut mengizinkan Defendan Kedua untuk menggadaikan keseluruhan bahagian tanah tersebut kepada Bank Pertanian Malaysia melalui gadaian-gadaian Bil. Perserahan 326 Jilid 1/78 Folio 46 Bil. Perserahan 2120 Jilid 5/79 Folio 63.
8. Defendan-defendan seterusnya menyatakan bahawa oleh kerana Abdul Rahman bin Ismail itu telah meninggal dunia pada 20/7/1981 selepas daripada kematian Nik bt. Abdul Rahman, maka Nik bt. Abdul Rahman atau warisnya, termasuk Plaintiff, tidak berhak ke atas tanah tersebut. Sebaliknya Abdul Rahman bin Ismail, iaitu ayah kepada Defendan-defendan pula adalah berhak kepada harta-harta peninggalan Nik bt. Abdul Rahman mengikut hukum faraid.
9. Defendan-defendan mengakui perenggan 8 Pernyataan Tuntutan dan mengulangi bahawa tanah tersebut sebenarnya tidaklah tertakluk kepada harta sepencarian tetapi sebaliknya tertakluk kepada hukum faraid.
10. Berdasarkan kepada apa-apa yang telah diplidkan, perenggan 9 Pernyataan Tuntutan adalah dinafikan.
11. Dengan yang demikian Defendan-defendan memohon supaya tuntutan Plaintiff ditolak dengan kos.

Pada 20hb. Januari 1997 Mahkamah menerima jawapan kepada Pernyataan Pembelaan daripada Peguam Syari'i Plaintiff yang mana kandungannya adalah seperti berikut:

1. Kecuali setakat mana yang diakui secara nyata Plaintiff mengaitkan isu-isu yang berkaitan yang dibangkitkan dalam Pernyataan Pembelaan Defendan-defendan.
2. Pada menjawab perenggan 2, Plaintiff menyatakan bahawa tanah tersebut

telah pada asalnya sebahagian daripada tanah yang seluar 6 ekar yang direntah oleh Plaintiff pada sekitar tahun 1957. Plaintiff kemudiannya ada membuat permohonan kepada kerajaan untuk mendapatkan tanah tersebut. Dengan persetujuan Nik bt. Abd. Rahman dan Abd. Rahman @ Awang bin Ismail sebahagian daripada tanah tersebut (seluar 3 ekar) yang dipohon oleh Plaintiff telah dipohon dengan menggunakan nama bapa tiri Plaintiff iaitu Abd. Rahman @ Awang bin Ismail. Permohonan tersebut telah diluluskan oleh pihak Kerajaan dan pada 10/3/1958 dikenali sebagai AA 68/58.

Sebelum permohonan tersebut dibuat, Abd. Rahman @ Awang bin Ismail dan Nik binti Abd. Rahman telah bersetuju bahawa Nik binti Abd. Rahman dan Abd. Rahman @ Awang bin Ismail hendaklah menetap dan membuat kebun kelapa di atas tanah tersebut. Segala perbelanjaan mengenai bayaran harga tanah dan belanja menanam dan menjaga kebun kelapa di atas tanah tersebut serta makan minum mereka ditanggung oleh Plaintiff.

3. Pada menjawab perenggan 3 Pernyataan Pembelaan, Plaintiff menyatakan bahawa berdasarkan apa yang dijelaskan di perenggan 2 di atas, Plaintiff mengulangi bahawa tanah tersebut adalah merupakan harta sepencarian di antara ibu Plaintiff dan Abd. Rahman @ Awang bin Ismail, dan apabila ibu Plaintiff iaitu Nik binti Abd. Rahman meninggal dunia, 1/2 bahagian tanah tersebut adalah merupakan harta yang ditinggalkan. (Tanah tersebut telah menjadi haknya melalui kaedah harta sepencarian).
4. Plaintiff mengakui sebahagian daripada perenggan 4 Pernyataan Pembelaan Defendan dan Plaintiff mengulangi apa yang dinyatakan dalam perenggan 2 dan 3 di atas bahawa tanah tersebut hanya didaftarkan atas nama Abd. Rahman @ Awang bin Ismail, tetapi pada hakikatnya tanah tersebut dimiliki bersama dengan isterinya Nik binti Abd. Rahman. Plaintiff menegaskan bahawa tanah tersebut pada mulanya direntah oleh Plaintiff sendiri iaitu pada tahun 1957 dan pada tahun 1958 barulah tanah tersebut direntah bersama oleh Plaintiff, Nik binti Abd. Rahman dan Abd. Rahman @ Awang bin Ismail.
5. Pada menjawab para 5 dan Pernyataan Pembelaan Defendan-defendan, Plaintiff mengakui bahawa memang tiada pindah milik dibuat samada di antara Nik binti Abd. Rahman dan Abd. Rahman @ Awang bin Ismail atau Plaintiff dengan Abd. Rahman @ Awang bin Ismail tetapi Plaintiff menegaskan bahawa Nik binti Abd. Rahman adalah "*equitable owner*" ke atas tanah tersebut.
6. Plaintiff tidak mempunyai pengetahuan tentang fakta berhubung dengan perenggan 7 Pernyataan Pembelaan Defendan-defendan. Walau bagaima-

napun Plaintiff menegaskan bahawa fakta tersebut jika benar, ianya tidaklah menafikan akan hak Nik binti Abd. Rahman sebagai "equitable owner" ke atas tanah tersebut.

7. Menjawab perenggan 8 Pernyataan Pembelaan Defendan-defendan, Plaintiff sekali menyatakan bahawa setelah kematian ibu Plaintiff, ayah kepada Defendan Kedua Abd. Rahman @ Awang bin Ismail telah membahagikan semula tanah tersebut 1/2 bahagian kepada Plaintiff dan 1/2 bahagian lagi kepada Abd. Rahman @ Awang bin Ismail.

Abd. Rahman @ Awang bin Ismail telah memanggil Plaintiff ke rumahnya setelah kematian ibu Plaintiff Nik binti Abd. Rahman dan beberapa orang jiran terdekat bagi menyaksikan pembahagian tanah tersebut. Abd. Rahman @ Awang bin Ismail telah membahagikan harta tersebut kepada dua bahagian, 1/2 bahagian kepadanya dan 1/2 bahagian lagi kepada ibu Plaintiff dengan menyatakan bahawa tanah tersebut merupakan hasil harta sepencarian di antara mereka berdua. Pembahagian ini telah dibuat dengan menggunakan tali yang mana lebar dan panjangnya telah diukur dan dilipat dua untuk menentukan bahagiannya. Kemudian tanah yang menjadi bahagian ibu Plaintiff telah diberikan oleh Abd. Rahman @ Awang bin Ismail kepada Plaintiff. (Saksi-saksi akan dikemukakan pada hari perbicaraan).

8. Pada menjawab perenggan 9 Pernyataan Pembelaan Defendan-defendan, Plaintiff sekali lagi menegaskan bahawa ibu Plaintiff berhak ke atas 1/2 bahagian tanah tersebut mengikut kaedah harta sepencarian. 1/2 bahagian tersebut telahpun dibahagikan oleh Abd. Rahman @ Awang bin Ismail kepada ibu Plaintiff semasa hayatnya dan 1/2 bahagian ini telahpun diberikan oleh Abd. Rahman @ Awang bin Ismail menghabisi haknya 1/6 bahagian ke atas pesaka Nik bin Ismail kepada Plaintiff. (Saksi-saksi akan dikemukakan pada hari perbicaraan)
9. Berdasarkan fakta-fakta di atas Plaintiff dengan sucihati percaya bahawa Plaintiff adalah berhak ke atas 1/2 bahagian tanah tersebut bukan hanya atas dasar harta sepencarian semata-mata tetapi kerana Abd. Rahman @ Awang bin Ismail telahpun menyerahkan 1/2 bahagian tanah tersebut kepada plaintiff setelah kematian ibu Plaintiff.
10. Dengan yang demikian Plaintiff memohon supaya pembelaan Defendan-defendan ditolak dengan kos.

t.t. xxx

Dato' Ismail bin Yahya

1 Februari 1997.

Perbicaraan ditetapkan pada hari Sabtu 15 Februari 1997 jam pukul 10.00 pagi.

t.t. xxx

Dato' Ismail bin Yahya

1 Februari 1997.

Hari Sabtu 15 Februari 1997 di dalam Mahkamah Terbuka Mahkamah Tinggi Syari'ah Terengganu jam 9.00 pagi, Abdul Halim bin Johar mewakili Plaintiff pohon ditawakuf pendengaran kes ini kerana dia baru terima saman iaitu pada 12 Februari 1997. Permohonannya itu dipersetujui oleh Peguam Syari'i Defendan-defendan (OD) Saifuddin bin Othman. Kes ini ditangguh kepada hari Sabtu dan Ahad 12 dan 13 April 1997 mulai jam 9.00 pagi

t.t. xxx

Dato' Ismail bin Yahya

15 Februari 1997.

Hari Sabtu 12 April 1997 Plaintiff dan Defendan-defendan hadir, kedua-dua Peguam Syari'i Defendan-defendan hadir sebelum pukul 9.00 pagi tetapi Peguam Syari'i Plaintiff hadir jam 9.28 pagi. Hakim memanggil Peguam Syari'i Plaintiff dan seorang Peguam Syari'i Defendan-defendan dan memaklumkan kes terpaksa ditunda kepada jam 2.30 petang nanti. Hakim juga menegur sikap tidak acuh Peguam Syari'i Plaintiff dan seterusnya memberi amaran supaya masa Mahkamah tidak lagi dipermainkan-mainkan.

t.t. xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997, jam 9.35 pagi.

TUNTUTAN Harta Sepencarian ini didengar di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syari'ah Terengganu di Kuala Terengganu pada hari Sabtu 12 April, 1997 bersamaan 4 Zulhijjah 1417 mulai jam 2.30 petang.

***Hadir:***

Ismail bin Yahya - Hakim

Awang bin Abdul Rahman - Plaintiff KPT: 350825-11-5081

(diwakili oleh Peguam Syari'i En. Abdul Halim bin Johar)

Shamsuddin bin Awang - Defendan I KPT: 390712-11-5209

Zainuddin bin Awang - Defendan II KPT: 420315-11-5023

(diwakili oleh Peguam Syari'i/Peguam Syari'i Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh dan Saifuddin bin Othman),

Sebahagian orang ramai dan kakitangan Mahkamah.

t.t. xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

Kes dimulakan dengan Peguam Syar'i (P1) Yang Menuntut memohon untuk memulakan kes dan Plaintiff memberi keterangan dengan berikrar untuk bercakap benar.

Nama : Awang bin Abdul Rahman

KP : 1112592

KPT : 350825-11-5081

P 577, Kg. Banggol Pauh, 21300 Kuala Terengganu

Kali Pertama naik haji tahun pertama ditubuhkan muassasah

Plaintif menuntut tanah hak ibunya sebagai harta sepencarian daripada bekas suaminya Abdul Rahman @ Awang bin Ismail. Ibunya Nik binti Abdul Rahman. Plaintiff dengan Defendan-defendan ialah saudara tiri. Bekas suami ibunya ialah bapa tirinya. Tanah yang menjadi isu ialah tanah dusun kelapa di Kg. Paya Haji Ibrahim, Telaga Daing, Seberang Takir, Kuala Terengganu. Luasnya sebelum diambil untuk jalan lebih daripada 3 ekar. Sekarang tidak pasti berapa luasnya.

Plaintif membuat pengecaman kepada Perakuan Carian Rasmi.

Perakuan Carian Rasmi itu dipersetujui dijadikan ekshibit dan ditanda sebagai AAR 1.

Asal tanah ini ialah tanah kerajaan yang dipohon oleh Plaintiff dalam tahun 1958. Bila diluluskan, sebahagiannya diletak atas nama ayah tiri Plaintiff dan sebahagian lagi atas nama Plaintiff. Premium dibayar oleh Plaintiff sebanyak RM 58.00. Tanah itu diusahakan oleh ibu dan bapa tiri Plaintiff. Asal diluluskan 6 ekar, 3 ekar untuk Plaintiff dan 3 ekar atas nama bapa tiri Plaintiff kerana kasih sayang kepada ayah tiri Plaintiff.

Sebelum permohonan dibuat, tidak ada orang mengusahakan tanah itu.

Tanah yang 3 ekar atas nama Plaintiff telah dijual oleh Plaintiff. Nilai atas nama bapa tiri Plaintiff sekarang tidak tahu.

Bila ibu Plaintiff meninggal lebih kurang sebulan kemudian ayah tiri Plaintiff panggil Plaintiff dan ayah tiri Plaintiff kata tanah yang berkenaan dibahagi dua iaitu 1/2 kepada ibu Plaintiff dan 1/2 bagi atas nama bapa tiri Plaintiff. Ia berlaku dalam tahun 1977.

Saksi-Saksi kepada pembahagian di atas terdiri daripada:

Awi bin Noh,

Lijah binti Jusoh,

Fatimah binti Haji Omar

Saksi-Saksi ini masih ada.

Saksi-Saksi dan ayah tiri Plaintiff pergi ke atas tanah dan buat ukuran dengan tali. Rumah yang didiami oleh Abdul Rahman (ayah tiri Plaintiff) termasuk dalam bahagian yang dibahagi kepada ibu Plaintiff.

Semasa hayat ayah tiri Plaintiff tidak dibuat pindah milik kerana keterangan tanah-tanah itu berada di Bank. Setakat yang Plaintiff tahu sekarang tanah itu telah dilepas gadaian.

Gadaian kepada Bank Pertanian dibuat sebelum 1977

Tanah ini telah dimasuk permohonan terakah (*faraid*) tetapi belum diputuskan.

t.t. xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

*Soal Balas Dato' Wan Ahmad Farid (Peguan Syar'i) Defendan-defendan:*

Ibu Plaintiff meninggal pada 24/10/1977 dan sebulan lepas itu tanah itu dicadang dibahagi oleh ayah tiri Plaintiff secara dua, 1/2 bahagian kepada ayah tiri Plaintiff dan 1/2 lagi kepada ibu Plaintiff, tetapi tidak boleh dibahagi atas keterangan tanah kerana tanah telah digadai kepada Bank.

Tanah itu tidak dipersetujui oleh Plaintiff jika dikatakan ianya digadai dalam tahun 1978.

Permohonan tanah dibuat oleh Plaintiff tetapi diberi nama kepada ayah tiri Plaintiff. Secara rasmi tanah itu dipohon oleh ayah tiri Plaintiff, tetapi Plaintiff tolong isi borang itu.

Oleh sebab tanah itu nama ayah tiri Plaintiff, jadi tanah itu tanah ayah tiri Plaintiff.

Para 6 dalam Pernyataan Tuntutan diakui benar oleh Plaintiff.

Plaintif tidak setuju gadaian dilepaskan dalam tahun 1978

Peguam Syar'i Defendan-defendan akan memohon supaya Pegawai Pesaka kecil disaman sebagai saksi.

t.t. xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

Tanah itu digadai dulu sebelum dibahagi kepada Ibu Plaintif adalah menurut kata-kata ayah Defendan-defendan. Sebelum gadai geran tanah dipegang oleh Plaintif. Ayah tiri Plaintif ada beritahu Plaintif dan minta geran tanah kerana anak Plaintif (Zainuddin) nak gadai ke Bank. Peristiwa berlaku dalam tahun 1970an, iaitu sebelum ibu Plaintif meninggal. Ayah tiri Plaintif amanahkan Plaintif pegang geran tanah itu.

Geran tanah sejak diambil sampai hari ini tidak dipulangkan kepada Plaintif. Sekarang Plaintif tidak tahu dimana geran tanah berada.

Tanah ini dimasukkan nama Abd. Rahman (ayah tiri Plaintif) adalah atas permintaan ibu Plaintif.

t.t. xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

Perakuan Carian Rasmi tanah MG: 2283 Mukim Kuala Nerus dijadikan ekshibit dan ditanda sebagai AAP 1.

t.t. xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

Mahkamah mengarahkan saksi 1 memberi keterangan. Beliau berikrar untuk bercakap benar.

Nama : Fatimah binti Omar

KPT : 490813-11-5062

KP : 4029641

Umur : 49 tahun

*Awang bin Abdul Rahman lawan Shamsuddin bin Awang dan Zainuddin bin Awang*

Alamat : 3121 Kg. Teluk Pasu, Manir, Kuala Terengganu.

Saksi 1, adik ipar kepada Plaintiff.

Saksi 1 kenal Nik bt. Abdul Rahman dan kenal juga Abd. Rahman bin Ismail yang mana di rumah orang panggilnya Awang bin Ismail.

Nik meninggal dalam tahun 1977. Sebulan lepas itu Awang (ayah tiri Plaintiff) nak bagi tanah sebagai harta sepencarian. Di sebelah laut diberi kepada Plaintiff. Mula-mula ukur dengan depa lepas itu ukur dengan galah. Ayah tiri Plaintiff beritahu perkara tersebut dan Noh juga beritahu perkara yang sama. Lepas dia bahagi tanah itu dia (ayah tiri Plaintiff) pagar bahagiannya. Ibu Plaintiff itu adalah ibu mertua Saksi 1.

Tanah itu terletak di Telaga Daing. Sekarang tanah itu tidak didiami oleh sesiapa pun. Rumah pun sekarang telah tiada.

Ayah tiri Plaintiff tidak dapat pindah nama kerana geran masih tergadai dan tidak dapat kerana geran terus tergadai hingga ayah tiri Plaintiff meninggal.

t.t. xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

*Dato' Wan Ahmad Farid Peguam Syari'i Defendan-defendan:*

Noh Abdul Rahman adalah adik kepada Nik binti Abdul Rahman. Saksi 1 tidak tengok sendiri bagaimana tanah itu diukur, hanya setakat dengar cakap Noh dan Abdul Rahman saja. Noh dan Abdul Rahman tidak datang jumpa Saksi 1 bersekali.

Saksi 1 hanya tengok pagar sahaja. Tuan Tanah beritahu Saksi 1 bahawa tanah itu digadai oleh anaknya dengan Bank. Bank mana Saksi 1 tidak tahu.

t.t. xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

*Soalan Semula:*

Anak tuan tanah yang gadai tanah bernama Zainuddin. Arwah tuan tanah kerap kemari. Arwah tinggal bersama dengan tuan tanah selama lima tahun iaitu sejak 1970.

Pagar di atas tanah itu untuk beritahu takat sempadan masing-masing.

t.t. xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

Mahkamah mengarahkan Saksi II memberi keterangan. Beliau berikrar untuk bercakap benar.

Nama : Lijah binti Jusoh

KPT : 220815-115076

KP : 2898712

Tinggal di Kg. Telaga Daing.

Masih bersuami dan ada 7 orang anak. Plaintiff dikenali oleh saksi-saksi sebagai Cikgu Awang. Saksi 1 kenal jauh-jauh dengan cikgu Awang. Saksi II kenal Defendan-defendan kerana ada bau-bau bacang.

Saksi II kenal ibu Plaintiff dan ayah tiri Plaintiff.

Harta yang diperolehi itu adalah sama-sama diusahakan dan Saksi II juga dapat begitu juga. Tanah itu dipohon setelah diusahakan.

Selepas isterinya meninggal ayah tiri Plaintiff panggil Saksi II dan abang Noh dan beritahu dia mahu bahagi tanah itu sebagai harta sepencarian sebahagian kepada simati. Selepas isterinya mati, ayah tiri Plaintiff tinggal bersama-sama Plaintiff.

Nik, isteri ayah tiri Plaintiff dalam bulan Oktober 1977. Ayah tiri Plaintiff kemudiannya beristeri lain dan dapat seorang anak lelaki. Umur anak itu 35 hari dia meninggal dunia. Isteri barunya itu juga bernama Nik. Sekarang anaknya itu dalam tingkatan empat. (Oleh itu dia mati lebih lebih kurang tahun 1981).

Saksi II tidak tahu apa yang Plaintiff tuntutan kerana Plaintiff tidak beritahu hanya Plaintiff ajak Saksi II mari ke Mahkamah sahaja. Saksi II tidak tahu secara tepat nama tuan tanah yang dipertikai. Tanah itu luasnya semasa permohonan 3 ekar sekarang tidak diketahui. Tanah berkenaan itu sekarang diperintah oleh Defendan-defendan.

Cikgu Awang tak usik pun tanah itu cuma dia nak tuntutan hak ibu dia. Resit hasil ada pada Cikgu Awang sebab hasil Cikgu Awang bayar.

Harta itu boleh kepada Cikgu Awang kerana hak ibu dia.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997

*Awang bin Abdul Rahman lawan Shamsuddin bin Awang dan Zainuddin bin Awang*

*Soal Balas:*

Saksi II beritahu dia minta tanah kerajaan 6 ekar. 4 ekar atas nama suami dan 2 ekar atas nama dirinya.

Awang @ Abd. Rahman bin Ismail nak bahagi tanah itu kepada dua tetapi tidak sempat pindah milik sebab tidak ada geran hingga dia mati.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya  
12 April 1997.

*Soalan Semula:*

Ayah tiri Plaintiff tanda tanah di hadapan Saksi II.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya  
12 April 1997.

Mahkamah mencelah supaya pihak-pihak menumpukan kes ini kepada *hibah* bukan lagi harta sepencarian.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya  
12 April 1997.

Mahkamah mengarahkan Saksi II memberi keterangan. Beliau berikrar untuk bercakap benar.

Nama : Awi bin Noh  
KPT : 451121-115195  
KP : 3173000

Tinggal 622A, Kg. Banggol Pauh, Seberang Takir, 21300 Kuala Terengganu.

Saksi III adalah sepupu kepada Plaintiff. Ayah Saksi III adik-beradik kepada Nik ibu kepada Plaintiff. Ayah tiri Plaintiff adalah bapa saudara sabit Saksi III. Saksi III kenal Defendan-defendan.

Saksi III pernah kisah tanah yang dipertikaikan iaitu di Kg. Telaga Daing.

Tanah ini asalnya dimiliki oleh Awang bin Ismail dan Nik bt. Abdul Rahman, setahu Saksi III tanah itu sekarang atas nama Awang bin Ismail.

Tahun 1977 Nik binti Ab. Rahman meninggal. Lebih kurang sebulan lepas Nik mati Saksi III pergi ke rumah ayahnya. Semasa di rumah ayahnya Abd. Rahman ada panggil Saksi III dan beritahu Saksi III yang dia telah bahagi dua tanah itu. Ayah Saksi III ada sama. Semasa itu geran tidak ada dengan ayah tiri Plaintiff. Dia kata bahagi kepada Nik (isterinya yang telah meninggal sebagai harta sepencarian). Dia telah ukur dan pacak tanda. Saksi III syor supaya terus ditukar nama tetapi arwah kata geran tidak ada dengannya.

Saksi III bersetuju dengan perbuatan Abd. Rahman bin Ismail.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

*Soal Balas:*

Saksi III minta pindah milik tetapi Abd. Rahman kata tidak boleh buat kerana tanah itu digadai kepada Bank.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

Tiada soalan semula.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

Kes ditangguh kepada 13 April 1997 jam 9.00 pagi.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997

*Awang bin Abdul Rahman lawan Shamsuddin bin Awang dan Zainuddin bin Awang*

Pada 13 April 1997 jam 9.00 pagi di dalam Kamar Hakim, Peguam Syar'i Plaintif dan Defendan ingin dapat kepastian Mahkamah mengenai pembuktian hartanah yang menjadi isu. Kedua-dua pihak mengesyorkan supaya Pentadbir Tanah Daerah *disuppheona* untuk memberikan Rekod Kepunyaan.

Urusan dan lain-lain mengenai Hak Milik tanah berkenaan QT (M) 249/MG 2283 Mukim Kuala Nerus, dan dengan itu dipohon kes ditangguh. Kes ditangguh kepada hari Khamis 15 Mei 1997 jam 9.00 pagi.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

Pada 13 Mei 1997, Mahkamah menerima permohonan menangguhkan perbicaraan kes ini dari 15 Mei 1997 kepada 22 Mei 1997 dengan alasan peguam yang mengendalikan kes ini, Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh terpaksa menghadiri satu mesyuarat yang tidak dapat dielakkan pada hari yang sama di Johor Bahru, sementara peguam Encik Saifuddin bin Othman pula bercuti pada hari sama atas sebab keluarga. Mahkamah bersetuju dengan permohonan itu dan sambungan perbicaraan kes dipersetujui diadakan hari Khamis 22 Mei 1997 mulai jam 9.00 pagi di Mahkamah Tinggi Syar'iah Terengganu di Kuala Terengganu.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

12 April 1997.

Disambung pada hari Khamis 22 Mei 1997, bersamaan 15 Muharram 1418, mulai jam 9.00 pagi.

***Hadir:***

Dato' Ismail bin Yahya - Hakim

Awang bin Abdul Rahman - Plaintif

(Diwakili oleh Peguam Syari'i En. Abdul Halim bin Johar)

Shamsuddin bin Awang - Defendan I

Zainuddin bin Awang - Defendan II

(Diwakili oleh En. Saifuddin bin Othman)

Tuan Haji Talaha bin Ali

(Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Terengganu)

Sebahagian orang ramai dan kakitangan Mahkamah.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

22 Mei 1997.

Peguam Syar'i Defendan memulakan kes untuk mendapatkan keterangan mengenai tanah yang dipertikai daripada Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu, Haji Talaha bin Ali.

Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Terengganu, menerangkan menurut rekod asal, tanah yang dimaksudkan itu ialah QT (M) 349 Mukim Kuala Nerus dan sekarang GM 2283 Mukim Kuala Nerus, Kuala Terengganu.

QT (M) 349 pemilik berdaftar : Abdul Rahman bin Ismail.

Ianya didaftar pada 22 Disember 1943, asalnya tanah AA 68/58 (*Approved Application*). Tanah ini pernah digadai. Bil Perserahan Gadaian Jilid 1/78 Folio 46 telah digadai oleh Abdul Rahman bin Ismail kepada Bank Pertanian Malaysia pada 8 Februari 1978, 11.45 pagi.

Bil. Perserahan 2163 melepas gadaian jilid 3/78 Folio 26, Gadaian 92/78 telah dilepaskan pada 22 Ogos 1978 pukul 10.30 pagi.

Bil. Perserahan 2120 gadaian jilid 5/78 Folio 63 telah digadai oleh Abdul Rahman bin Ismail kepada Bank Pertanian Malaysia pada 31 Julai 1979 jam 10.00 pagi.

Bil Perserahan 2332/88 melepas gadaian jilid 3/8 Folio 99 gadai jilid 5/79 Folio 63 telah dilepaskan pada 6/11/1988 pukul 11.00 pagi.

Jika penggadai meninggal, orang lain boleh memohon pindah milik jika dibenarkan oleh Bank.

Waris juga boleh memohon terakah (*faraid*) ke atas tanah yang digadai itu.

Siapa yang memohon tanah itu pada asalnya tidak diketahui tetapi telah diluluskan kepada Abdul Rahman bin Ismail.

Permohonan untuk dapat tanah kerajaan lazimnya memakan masa tetapi tanah ini tidak diketahui tempoh masa yang telah diambil. QT (M) 349 dikeluarkan pada 23 Disember 1973 MG 283 dikeluarkan pada 23 Julai 1983.

Tanah ini telah dilepaskan gadaianya sekarang.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

22 Mei 1997.

Defendan 1 memberi keterangan. Beliau berikrar untuk bercakap benar.

Nama : Shamsuddin bin Awang.

KPT : 390712-11-5209

KP : 2899830

Tinggal : B 634 Kg. Banggol Pauh, 21300 Kuala Terengganu.

Tanah ini adalah tanah Abdul Rahman bin Ismail dan tidak ada kena mengena dengan orang lain. Defendan 1 tidak ingat bila tarikh ibu tirinya Nik meninggal.

Selepas ibu tirinya meninggal, ayah Defendan 1 tidak ada cerita apa-apapun kepada Defendan 1 tentang hak orang lain. Ayah Defendan 1 ada beritahu bahawa tanah itu adalah milik dia seorang sahaja dan tiada milik orang lain.

Tanah ini digadai oleh Abdul Rahman bin Ismail (ayah Defendan 1).

Selepas ayah Defendan 1 meninggal, Defendan 1 ada membuat permohonan terakah dan memasukkan semua waris tetapi tidak memasukkan nama Plaintiff.

Perbicaraan terakah telah dibuat dan dimaklumkan sebulan dari tarikh itu geran bolehlah diambil. Bila Defendan 1 nak ambil geran, beliau diberitahu bahawa ada orang buat bantahan tentang keputusan itu.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

22 Mei 1997.

### *Soalan Balas*

Defendan 1 kenal Plaintiff dan hubungan beliau dengan Plaintiff adalah adik-beradik tiri. Defendan 1 lahir 1939. Sekarang Defendan 1 ada 7 orang anak. Tarikh Defendan 1 dinikahkan pada 4/11/1957. Defendan 1 tidak tahu tarikh ayahnya bernikah dengan ibu tirinya Nik dan setahu Defendan 1, Nik ada seorang anak iaitu Awang. Defendan 1 ada 4 adik beradik (sekarang ada 3) 1 orang sebapa dan dua orang adik beradik seibu sebapa. Sepanjang hidup, Defendan 1 tinggal bersama neneknya di Bukit Tumboh manakala ayahnya tinggal di Banggol Pauh.

Tanah yang dipertikai ini letak di Paya Telaga Daing.

Defendan 1 tak setuju tanah itu dipohon oleh Plaintiff. Defendan 1 tak setuju yang wang untuk proses pohon tanah dibayar oleh Plaintiff.

Defendan 1 tak tahu siapa rentah tanah itu sebelum permohonan dibuat.

Defendan 1 dakwa tanah MG 2283 Mukim Kuala Nerus itu adalah tanah ayahnya kerana nama tanah itu ialah nama ayahnya.

Setahu Defendan 1, ibu tirinya tidak boleh buat kerja. Defendan 1 tahu harta itu diperolehi dalam tahun 1958 iaitu semasa ibu tirinya menjadi isteri kepada ayahnya.

Defendan 1 tidak pernah diberitahu oleh ayahnya yang tanah itu hendak dibahagikan kepada orang lain.

Semasa Defendan 1 tinggal dengan neneknya, Plaintiff tinggal bersama ayah Defendan 1 dan ibu tiri Defendan 1 yang bernama Nik. Defendan 1 tidak tahu yang ibunya, Nik ada harta atau tidak. Permohonan terakah dibuat oleh Defendan 1 tetapi tidak ingat tahunnya.

Ayah Defendan 1 meninggal 20 Julai 1981 dan permohonan terakah dalam tahun 1991, perkara ini berlaku kerana timbul banyak karenah.

Ayah Defendan 1 mati meninggal waris,

- 1) Nik binti Embong - Isteri
- 2) Shamsuddin bin Awang - Anak lelaki
- 3) Zainuddin bin Awang - Anak lelaki
- 4) Mohamad bin Awang - Anak lelaki  
(sebapa anak dengan Nik binti Abdul Rahman)
- 5) Ismail bin Abdul Rahman - Anak Lelaki  
(sebapa anak dengan kepada Nik binti Embong)

Ayah Defendan 1 ada beritahu Defendan 1 bahawa harta ini semua hak dia, tarikh kenyataan ayah Defendan 1 ini tidak diingati.

Defendan 1 kenal Fatimah Omar adalah adik ipar Defendan 1. Defendan 1 mengaku dia tidak berbohong di Mahkamah pada hari ini dan dia sanggup bersumpah. Defendan 1 tidak bersetuju bahawa harta berkenaan adalah harta sepencarian antara ayah Defendan 1 dengan Nik (ibu tiri Defendan 1) kerana Nik Abdul Rahman tidak bekerja pun. Defendan 1 tidak setuju dengan tuntutan Plaintiff ini.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

22 Mei 1997.

*Awang bin Abdul Rahman lawan Shamsuddin bin Awang dan Zainuddin bin Awang*

*Soal Semula:*

Defendan 1 dengan ayah tidak ada permusuhan tetapi nenek sayang kepada Defendan 1 oleh sebab itulah Defendan 1 tinggal bersama dengan neneknya.

Defendan 1 kenal saksi-saksi Plaintiff tetapi tidak rapat.

Semasa ayah bernikah dengan ibu tiri, Nik Abdul Rahman, Defendan 1 belum tahu apa-apa, tahu-tahu ibunya ditinggalkan oleh ayahnya kerana ayahnya berkahwin lain.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

22 Mei 1997.

Menjawab soalan Mahkamah, yang dimaksudkan dengan nenek ialah ibu kepada ibu. Ayah kepada ibu telah lama meninggal dunia.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

22 Mei 1997.

Defendan II diarah memberi keterangan. Beliau berikrar untuk bercakap benar.

Nama : Zainuddin bin Awang

KPT : 42031-11-5023

KP : 1112459

Alamat : B 807, Kg. Endang, Bukit Tumbuh, 21300 Kuala Terengganu.

Pekerjaan : Pemandu Kereta Sewa.

Mula-mula ingat Defendan II tinggal dengan ayah kepada ayah.

Defendan II baik dengan ayahnya dan ayahnya juga sering datang ke rumah neneknya itu.

Semasa ayah sihat, ayah ada beritahu bahawa tanah MG 2283 Mukim Kuala Nerus itu adalah tanahnya dan tidak pernah bersangkut dengan lain-lain orang.

Tarikh perkahwinan antara ayah Defendan II dengan ibu tirinya Nik Abdul Rahman tidak diingati oleh Defendan II, begitu juga tarikh ibu tirinya meninggal.

Sebelum ini Defendan II bekerja sebagai tukang kayu membuat perahu di Bukit Tumbuh. Defendan II pergi bersama ayahnya untuk gadaai tanah bagi dibuat modal dan

ayah Defendan II tidak beritahu pun yang tanah itu ada kaitan dengan orang lain.

Defendan II pergi bersama-sama buat permohonan terakah. Semasa perbincaraan Pegawai Terakah tanya nak bahagi ikut hukum atau ikut adat. Dipersetujui supaya ikut hukum.

Abang Defendan II iaitu Defendan 1 beritahu bahawa proses terakah terhalang.

Ayah Defendan II pergi sendiri ke Bank untuk proses gadaian.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

22 Mei 1997

*Soalan Balas:*

Gadaian 1 untuk dapat modal bagi perniagaan. Geran tanah itu ada pada ayah dan ayah tidak ceritapun yang tanah itu ada berkait dengan orang lain. Semasa itu ayah kerja dengan Defendan II.

Defendan II tidak tahu yang ayahnya ada berikan separuh tanah itu kepada ibu tirinya yang telah mati.

Semasa ayah nak meninggal, Defendan II ada di sisi ayahnya. Ayahnya tidak mewasiatkan apa-apa mengenai tanah berkenaan.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

22 Mei 1997.

Mahkamah mengarahkan saksi 1 Defendan-defendan memberi keterangan. Beliau berikrar untuk bercakap benar.

Nama : Nik binti Embong

KPT : 391010-11-5122

KP : 2898449

Alamat : Kg. Lembah Harapan, Seberang Takir (Belakang Surau Pak De Leh), 21300 Kuala Terengganu.

Saksi 1 tidak ingat tarikh dia berkahwin dengan Abd. Rahman @ Awang bin Ismail. Menurut Surat Akuan No. 849 E Bilangan Daftar 17/1978 Seberang Takir, mereka bernikah pada 2/3/1998 bersamaan 22 Rabi'ul Awal 1378, jam 9.15 malam. Setelah Saksi 1 berkahwin dengan Abd. Rahman dia tinggal dengan Abdul Rahman di

*Awang bin Abdul Rahman lawan Shamsuddin bin Awang dan Zainuddin bin Awang*

Kg. Telaga Daing. Abdul Rahman tidak beritahu apa-apa tentang tanah berkenaan.

Shamsuddin ada ajak pergi bicara terakah.

Semasa Abdul Rahman masih hidup ada dipesan agar Saksi 1 buat rumah bangsal di situ (Telaga Daing).

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

22 Mei 1997.

*Soal Balas:*

Saksi 1 tidak ingat bila Abdul Rahman meninggal.

Saksi 1 dikurniakan seorang anak bersama Abdul Rahman.

Saksi 1 bersetuju tanah itu dibahagi dua kalau diputus sedemikian.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

22 Mei 1997.

Menjawab soalan Mahkamah, anak saksi dengan Abdul Rahman diberi nama Ismail bin Abdul Rahman, Sekarang berumur 16 tahun.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

22 Mei 1997.

Kes ditangguh kepada hari Ahad, 13 Julai 1997 jam 9.00 pagi.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

22 Mei 1997.

Kes tuntutan harta sepencarian ini disambung untuk penghujahan pada hari ini Ahad, 8 Rabi'ul Awal, 1418 bersamaan 13 Julai 1997 mulai jam 9.00 pagi, di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syari'ah Terengganu di Kuala Terengganu.

*Hadir:*

Dato' Ismail bin Yahya - Hakim

Awang bin Abdul Rahman - Plaintiff

(Diwakili oleh Peguam Syari'i, En. Abdul Halim bin Johar)

Shamsuddin bin Awang - Defendan I

Zainuddin bin Awang - Defendan II

(Diwakili oleh Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh)

Sebahagian orang ramai dan kakitangan Mahkamah.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

13 Julai 1997.

Peguam Syar'i Plaintiff memohon kes ditangguh sehingga pukul 9.40 pagi. Kes dipersetujui di sambung jam 9.40 pagi.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

13 Julai 1997.

Kes disambung semula jam 9.40 pagi 13 Julai, 1997 dengan kehadiran pihak-pihak seperti di atas. Mahkamah mengarahkan penggulungan kes dimulakan.

Peguam Syar'i Defendan-defendan berhujah dengan berkata isu yang dipertikaikan adalah mudah iaitu harta yang dipertikaikan adakah harta sepencarian atau tidak? Seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985.

Menurut Seksyen 57(1) Mahkamah ada kuasa bila berlakunya perceraian atau akan berlakunya talaq.

Menurut faktanya, Nik binti Abdul Rahman telah meninggal dunia lebih awal daripada suaminya Awang bin Ismail. Oleh itu ianya tidak jatuh di bawah Seksyen 57 Enakmen 12/1985.

Jika tidak di bawah Seksyen 57, maka di bawah Seksyen mana Mahkamah berbidang kuasa? Jika pun ada fakta yang diperlukan ialah adanya usaha bersama. Di dalam kes ini ada atau tidak usaha bersama. Plaintiff dalam keterangannya menjelaskan bahawa tanah yang dipertikaikan adalah tanah ayah tiri Plaintiff. Di mana ada usaha bersama di dalam kes ini.

Dengan hujah ini Mahkamah dipohon supaya mensabitkan harta yang dipertikaikan itu bukan harta sepencarian di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Dalam masa perbicaraan Mahkamah ada mencelah supaya pihak-pihak menumpukan kepada *hibah*.

Dalam *hibah* ada *ijāb*. Dalam persoalan sekarang selagi tidak berlaku pindah milik maka tidak berlaku *ijāb*. *Hibah* tidak akan lengkap kalau tidak berlaku pindah milik.

Walaupun berlaku *hibah*, pemberian itu berlaku setelah orang yang menerima telah meninggal dunia. Oleh itu *hibah* tidak berlaku dengan lengkap. Sepatutnya ianya dikuatkan dengan pindah milik. Kalaulah berlaku pemberian, kenapa pula membenarkan Defendan membuat gadaian sepenuhnya. Menurut keterangan Saksi, Haji Talaha bin Ali, tanah tersebut digadai sepenuhnya dalam tahun 1978. Semasa *hibah* itu berlaku, tanah berkenaan bebas, sedangkan geran bebas berada di tangan Plaintiff.

Oleh itu Plaintiff tidak mempunyai asas undang-undang untuk menuntut ke atas tanah itu sebagai harta sepencarian dan *hibah*. Oleh itu tuntutan Plaintiff hendaklah ditolak dengan kos.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

13 Julai 1997.

Peguam Syar'i Plaintiff mengemukakan penggulungannya. Plaintiff menuntut harta sepencarian ke atas harta tanah GM 2283 Mukim Kuala Nerus, Kuala Terengganu. Plaintiff juga menuntut supaya harta itu atau nilainya dibahagi dua.

Tiga unsur penting mesti diutarakan dalam membuktikan:-

**Pertama;** adanya perkahwinan yang sah antara suami isteri berkenaan.

**Kedua;** semasa perkahwinan yang sah itu ada perolehi harta.

**Ketiga;** berlaku perceraian sama ada perceraian hidup atau cerai mati.

Ketiga-tiga unsur ini dibuktikan oleh Plaintiff. Ibu dan ayah tiri Plaintiff adalah suami isteri. Keterangan yang ada di Mahkamah juga, bahawa harta yang diperolehi itu adalah harta diperolehi semasa perkahwinan itu.

Defendan tidak menafikan fakta ini. Di dalam kes ini pihak isteri telah meninggal dunia.

Apa-apa harta seperti hal-hal di atas bolehlah dituntut sebagai harta sepencarian. Di dalam kes *Hajjah Sulong binti Abu Bakar bwn. Mamat Mat Amin* JH (1403H) 296, telah diputuskan.

- (1) Bahawa dalam keadaan tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa mana-mana tanah yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan adalah diperolehi melalui pusaka, boleh dianggap bahawa tanah yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan pasangan yang masih hidup dikira menjadi harta sepencarian;
- (2) tidak terdapat apa-apa di dalam keterangan dalam kes ini untuk menolak anggapan bahawa tanah yang dipertikaikan dalam kes ini adalah harta sepencarian.

Oleh itu di dalam kes ini Mahkamah boleh mensabit harta yang dipertikaikan itu adalah harta sepencarian.

Bila disabitkan harta sepencarian maka Mahkamah boleh menentukan kadar bahagian pihak.

Seksyen 57(3) disebut usaha tunggal, oleh itu bukanlah semata-mata usaha bersama.

Jika diteliti kepada fakta kes, selain wujudnya isu harta sepencarian, wujudnya *hibah* iaitu yang berlaku antara Abdul Rahman bin Ismail dengan Plaintiff. Saksi-saksi membuktikan adanya pemberian ini.

Saksi ketiga Awi bin Jusoh telah menerangkan dengan jelas adanya pemberian.

Syarak tidak menetapkan pindah milik sebagai syarat kepada *hibah*. Andaikata pindah milik diperlukan, Plaintiff telah menjelaskan kenapa pindah milik itu tidak dibuat iaitu seperti keterangan Plaintiff. Semasa hayat ayah tiri Plaintiff tidak dibuat pindah milik kerana keterangan tanah-tanah itu berada di Bank.

Saksi, Pentadbir Tanah Daerah ada mengatakan, siapa yang memohon tanah itu pada asalnya tidak diketahui tetapi ianya diluluskan atas nama Abdul Rahman bin Ismail.

Kalau dilihat kepada keterangan asal tanah ini AA 68/58, maka jelaslah tanah tersebut adalah tanah sepencarian kerana tahun 1958 masih lagi dalam tempoh perkahwinan pasangan Nik dan Abdul Rahman.

Mahkamah ini ada bidangkuasa untuk membicarakan harta sepencarian.

Di dalam kes ini memang wujud harta sepencarian dan *hibah* antara Abdul Rahman bin Ismail dengan Plaintiff. Saksi-saksi yang dikemukakan oleh Plaintiff adalah mencukupi dari segi syarat menurut Hukum Syarak. Defendan telah gagal

*Awang bin Abdul Rahman lawan Shamsuddin bin Awang dan Zainuddin bin Awang*

mengemukakan saksi-saksi yang memenuhi syarat saksi menurut Hukum Syarak. Oleh kerana tidak ada saksi, tuntutan Defendan tidak berjaya.

Oleh itu tuntutan Plaintiff menepati Hukum Syarak dan dikemukakan menurut Hukum Syarak.

Di dalam kes *Ahmad lwn Mahafat Khan* dan seorang lagi *JH (1401H) 82* di mana di antara sebab-sebab keputusan hukuman dirujuk dan adalah seperti berikut:-

1. Kerana saksi-saksi pendakwa tidak dapat menerangkan dengan jelas dan tidak mencukupi bagaimana syarat yang dikehendaki di dalam *Bāb al-Shahādāt*.
2. Kerana kedua-dua Kena Dakwa menafikan ada pemberian hidup kepada Mendakwa dan kedua-duanya sanggup bersumpah menafikan tahu berlaku pemberian hidup kepada pendakwa.
3. Pendakwa sendiri mengaku di dalam kenyataan dakwaannya iaitu perkataan ibu saya begitu tidak di hadapan sesiapa hanya saya dengan ibu saya sahaja.

Oleh yang demikian dipohon kepada Mahkamah mensabit adanya harta sepencarian yang kemudian *dihibahkan* dan ditentukan kadarnya iaitu 1/2 daripada harta berkenaan.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

13 Julai 1997.

Kes ini ditangguh kepada hari Sabtu 19hb. Julai 1997, jam 2.30 petang untuk penghakiman.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya

13 Julai 1997.

Pada hari Sabtu 19hb. Julai 1997 bersamaan 14 Rabiul Awal 1418 kes disambung untuk penghakiman mulai jam 2.40 petang.

*Hadir:*

Dato' Ismail bin Yahya

- Hakim

Awang bin Abdul Rahman - Plaintiff  
(Diwakili oleh Peguam Syari'i, En. Abdul Halim bin Johar)  
Shamsuddin bin Awang - Defendan I  
Zainuddin bin Awang - Defendan II  
(Diwakili oleh Encik Saifuddin bin Othman)  
Sebahagian orang ramai dan kakitangan Mahkamah.

t.t.xxx

Dato' Ismail bin Yahya  
19 Julai 1997.

### **ALASAN PENGHAKIMAN**

Tuntutan yang telah didengar mulai 12 April 1997 yang lalu ialah tuntutan yang dinamakan oleh Plaintiff sebagai tuntutan harta sepencarian ke atas hartanah QT(M) 349 Mukim Kuala Nerus yang mana hartanah itu dikenali dengan GM 2283 Mukim Kuala Nerus, Kuala Terengganu.

Mengikut undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985, "harta sepencarian", diertikan sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri, semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak. Dari peruntukan undang-undang ini jelaslah bahawa harta sepencarian itu adalah harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan mereka berkuatkuasa.

Mahkamah berpendapat walaupun tidak ada perkataan harta sepencarian di dalam Hukum Syarak secara nyata, namun ianya adalah merupakan adat Melayu yang telah diiktibar dan mendatangkan kebaikan kepada kaum wanita khususnya di tempat kita ini.

Di dalam Islam apabila sesuatu adat atau '*uruf*' telah diakui kebaikannya dan telah diberi pengiktirafan undang-undang, kedudukannya tidak lagi sebagai adat akan tetapi ianya bertukar menjadi suatu peraturan atau perundangan yang mesti diikuti dan dikuatkuasakan.

Sejarah perundangan Islam menunjukkan bahawa apabila Rasulullah s.a.w. berhadapan dengan persoalan '*uruf*' (adat) baginda mengambil sikap yang berbeza-beza di antara satu adat dengan adat yang lain. Sikap-sikap itu boleh dibahagikan kepada:

- i) Menerima adat menjadi hukum seperti adat jual beli yang berasaskan persetujuan bersama di antara kedua-dua pihak dan mengelakkan cara

mengambil harta benda orang lain secara tidak wajar (batil); adat perkahwinan apabila seseorang perempuan dilamar melalui walinya dan berhak mendapat maskahwin serta diijabkabulkan di hadapan dua orang saksi, sistem *qasāmah* sepertimana ia telah diamalkan dan prinsip musyawarah.

- ii) Menolak adat seperti adat jualbeli yang berasaskan penipuan dan *gharar*, perkahwinan secara ramai iaitu lelaki yang boleh menyetubuhi seorang perempuan dan apabila mendapat anak penentuan keturunan dibuat melalui rupa yang terdekat di kalangan mereka.
- iii) Menerima dengan pindaan sesuatu adat untuk menjadi hukum seperti adat *qiṣāṣ* terhadap kesalahan membunuh dengan sengaja setelah mengeneipkan usul yang tidak sesuai (jahiliah), pengabdian hanya boleh diterima dengan sebab peperangan.

Peraturan jual beli yang berasaskan persetujuan bersama, sistem *qasāmah* dan *mushawarah* yang dahulunya dianggap adat resam, sudah diberi pengiktirafan undang-undang dan perlu diamalkan oleh masyarakat Islam dalam kehidupan mereka. Perkembangan yang sama juga berlaku kepada harta sepencarian yang pernah dikenali sebagai suatu adat yang diamalkan oleh orang Melayu dan khususnya orang Islam di Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Pengiktirafan ini dengan jelas diberi melalui prinsip yang terdapat dalam kaedah perundangan Islam yang dipetik oleh al-Suyūṭī sebagaimana disebut di dalam kitabnya *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*.

- i *Al-‘Ādah Muḥakkāmah* - “Adat mengambil tempat hukum”.
- ii *Isti‘māl al-Naṣḥ Hujjat Yuhibb al-‘Amal Bihā* - “Amalan manusia menjadi pegangan (hujah) yang wajib diikuti”.
- iii *Al-Ma‘rūf ‘Urfan ka al-Mashrūṭ Shar‘an* - “Sesuatu yang diterima mengikut adat samalah kedudukannya seperti sesuatu yang dibuat mengikut syarak”.

Di dalam perkara ini asas ataupun dasar yang ditetapkan oleh Islam dalam mengatur dan mengurus kehidupan suami isteri adalah satu asas yang sesuai dengan fitrah dan tabiat semulajadi manusia. Orang lelaki lebih mampu bekerja, dengan gigih dan berusaha di luar rumah, manakala perempuan pula lebih mampu mengurus rumahtangga, mendidik anak-anak membuatkan suasana rumahtangga menyenangkan dan penuh ketenteraman. Oleh kerana itu kepada lelaki diberi tugas yang sesuai dengan fitrahnya dan kepada perempuan pun disesuaikan dengan tabiatnya. Dengan yang demikian barulah rumahtangga berjalan dengan baik, di dalam dan di luar rumah tanpa menjejaskan mana-mana pihak. Kedudukan ini telah dijelaskan oleh Syed Ṣābiq

di dalam kitab *Fiqh Al-Sunnah*, jilid yang kedua halaman 17 dengan menyebut (yang bererti):

*“Rasulullah S.A.W telah membuat hukuman di antara ‘Alī bin Abī Tālib r.a.w.k.a.w dan isterinya Fāṭimah r.a. iaitu dipertanggungjawabkan ke atas Fāṭimah melaksanakan kerja-kerja di rumah manakala ‘Alī pula diberi tanggungjawab bekerja dan berusaha di luar rumah.”*

Dalam menghuraikan apa yang disebutkan di atas, di dalam *Kitab I’ānat al-Tālibīn*, jilid yang keempat muka 76 ada memperuntukkan matan *Fath al-Mu’in* berbunyi (bererti):

*“Adapun perkara-perkara yang tidak khusus kepada isteri melakukannya, seperti memasak makanan suami dan mencuci pakaian suami, maka tidaklah menjadi kewajiban ke atas isteri mahupun orang gaji bagi isteri, tetapi kewajiban tersebut menjadi tugas suami sendiri. Oleh yang demikian suami kenalah menanganinya sendiri atau ditangani oleh orang lain (iaitu dengan suami membayar upah dan sebagainya).”*

Selain dari itu adalah menjadi suatu yang bertentangan dengan hak apabila dibuat anggapan bahawa harta kedua-dua suami isteri itu menjadi satu apabila mereka berkahwin. Harta isteri tetap menjadi haknya dan suami tidak berhak untuk mengambil apa-apa pun dari hartanya dan begitu juga dengan harta suami ianya milik abadi kepada si suami samada semasa atau selepas perkahwinan. Mengenai perkara ini Allah S.W.T., telah berfirman, Surah An-Nisā’ ayat 32 (yang bermaksud):

*“..... orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan .....”*

Daripada penjelasan Hukum Syarak di atas dan pengertian berkanun ke atas harta sepencarian, Mahkamah berpendapat yang dimaksudkan sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa terbahagi kepada tiga jenis iaitu:

**Pertama**, harta yang diperolehi dengan usaha bersama suami isteri dalam masa perkahwinan mereka berkuatkuasa.

**Kedua**, harta yang diperolehi dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan dalam masa perkahwinan mereka berkuatkuasa, dalam mana pihak yang tidak memperolehi aset itu memberi sumbangan-sumbangan kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga anak-anak maupun keluarga.

**Ketiga** ialah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan mereka oleh pihak yang satu lagi atau dengan usaha mereka bersama.

Mahkamah berpendapat maksud harta sepencarian sebagaimana yang disebutkan itu adalah mengambil tempat di dalam Hukum Syarak iaitu di dalam mu'amalah upah. Menurut Hukum Syarak, apabila seseorang isteri bertugas di dalam rumah melebihi tugas-tugasnya yang diwajibkan ke atasnya sebagai seorang isteri ianya perlu diberi upah bagi tugas yang melebihi tugas-tugasnya itu. Begitulah seterusnya. Oleh yang demikian harta sepencarian itu adalah layak dinamai di dalam bahasa Arab sebagai:

*“Al-amwāl allatī ḥaṣalat fī ḥayāt al-zawjiyyah ‘alā ḥasb iktisābihimā”*

Dalam masyarakat kita, harta yang dikatakan harta sepencarian itu kadang-kadang didaftarkan di atas nama isteri dan kadang-kadang didaftarkan di atas nama suami. Oleh itu timbul persoalan bilakah waktu harta sepencarian boleh dituntut. Persoalan ini adalah sukar untuk dijawab secara objektif. Keadaan ini berlaku kerana ada pihak-pihak dalam perkahwinan tidak mahu menuntut harta sepencarian oleh sebab dia berpendapat harta yang diperolehi itu akan diwarisi oleh anak-anak mereka kemudiannya. Dengan itu terdapat kes yang mana harta sepencarian didaftarkan atas nama suami, kemudiannya suami itu meninggal terlebih dahulu, isteri berkenaan tidak pun membuat sebarang tuntutan di atas harta berkenaan yang mana dia ada hak ke atas harta itu sebagai harta sepencarian.

Di dalam kes seperti ini pihak anak tidak patut pada pendapat Mahkamah menuntut harta sepencarian bagi pihak ibunya ke atas harta si mati kerana ibunya iaitu pihak yang benar-benar berhak menuntut, tidak pun berbuat demikian. Apakah alasan dan keterangan yang akan dikemukakan oleh si anak bagi membuktikan harta itu harta sepencarian sebagaimana ditakrifkan tadi. Keadaan yang serupa berlaku juga sebaliknya iaitu ada harta sepencarian didaftarkan atas nama isteri, kemudian isteri meninggal terlebih dahulu daripada suami. Walaupun begitu ada juga keadaan dalam mana harta sepencarian didaftarkan di atas nama suami dan setelah suami meninggal dunia, isteri membuat tuntutan untuk sabitan harta sepencarian dan mendapat bahagiannya. Kes seperti ini telah berlaku dan di dalam kes *Hajjah Saudah bt. Che Mamat lwn. Hanafi binti Haji Daud dan Lain-lain Orang*, JH [1412] 66 yang mana Yang Arif Dato' Haji Daud bin Muhammad, Kadi Besar telah membuat keputusan-keputusan berikut:

- 1) tanah-tanah itu telah dipindahmilik kepada al-marhum Haji Daud bin Haji Abdul Rahman dalam masa perkahwinan mereka berdua dan adalah harta sepencarian dan hendaklah dibahagi dua separuh hak menuntut dan separuh lagi dijadikan pusaka untuk dibahagikan kepada waris yang berhak.

- (2) Ada *qarīnah* bahawa pembelian tanah yang dipindahmilik kepada Yang Menuntut diadakan pada masa Haji Daud bin Abdul Rahman masih hidup dan tanah-tanah itu adalah harta sepencarian dan hendaklah separuh dari nilai harga tanah-tanah itu dijadikan harta pusaka untuk dibahagikan kepada waris-waris yang berhak mengikut Hukum Faraid.

Selain dari itu tuntutan harta sepencarian boleh juga berlaku apabila berlakunya perceraian antara suami isteri walau dalam apa bentuk perceraian sekalipun. Kedudukan ini telah diperuntukkan di dalam seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985.

Di dalam kes di hadapan kita ini menurut fakta kesnya, tanah yang dipertikaikan itu memakai keterangan GM 2283 Mukim Kuala Nerus, didaftarkan atas nama suami, Abdul Rahman bin Ismail yang dikenali juga sebagai Awang bin Ismail. Plaintiff, Awang bin Abdul Rahman adalah anak tiri kepada tuan tanah yang didaftarkan, menuntut harta sepencarian ke atas tanah itu.

Yang layak menuntut harta sepencarian di dalam harta berkenaan ialah ibu Plaintiff, Nik binti Abd Rahman. Oleh kerana ibu Plaintiff tidak membuat tuntutan ke atas harta yang didakwa sebagai harta sepencarian, Plaintiff terus tidak berkelayakan berbuat demikian. Boleh jadi ibu Plaintiff telah redha dengan kedudukan harta berkenaan. Sekiranya ibu Plaintiff tidak redha sudah tentu dia meminta supaya tanah itu didaftarkan atas dua nama iaitu nama dirinya dan nama Abdul Rahman @ Awang bin Ismail. Menurut keterangan yang dikemukakan, harta berkenaan didaftarkan atas nama Abdul Rahman @ Awang bin Ismail adalah atas permintaan ibu Plaintiff. Apakah asas yang digunakan oleh Plaintiff menuntut harta sepencarian di atas harta GM 2283 Mukim Kuala Nerus itu. Semasa hayat ibunya sendiri tidakpun menuntut di atas harta itu sebagai harta sepencarian. Di dalam kes ini tidakpun dibuktikan fakta-fakta yang boleh menjadi isu yang mana harta itu adalah harta sepencarian. Oleh yang demikian Mahkamah tidak dapat menimbangankan tuntutan harta sepencarian oleh Plaintiff.

Di dalam keterangan-keterangan yang dikemukakan, Mahkamah dapati Plaintiff mendakwa Abdul Rahman @ Awang bin Ismail, bapa tirinya telah membahagikan tanah GM 2283 Mukim Kuala Nerus kepada dua bahagian lebih kurang sebulan setelah kematian ibunya pada 24 Oktober 1977, tanpa sebarang balasan. Di sini timbul unsur-unsur *hibah*. Mahkamah ada mencelah semasa perbicaraan dahulu supaya pihak-pihak memberi penumpuan kes ini kepada kes *hibah* bukan lagi kes harta sepencarian. Celahan Mahkamah ini kerana tuntutan harta sepencarian berbeza dengan tuntutan *hibah*.

*Hibah* menurut pengertian Syarak iaitu sebagaimana yang terdapat di dalam *Kitab I'ānat al-Tālibīn*, jilid ketiga muka 142 disebut matan *Faṭḥ al-Mu'īn* seperti

Awang bin Abdul Rahman lawan Shamsuddin bin Awang dan Zainuddin bin Awang  
berikut (bererti):

“hibah ialah memberi milik sesuatu barang kepada seseorang yang  
mana barang itu sah untuk dijual atau diberi hutang oleh ahli  
tabarru’ dengan tidak ada sebarang tukaran atau pembalasan”.

Allah s.w.t telah berfirman, Surah Al-Mā’idah ayat 2 (yang bermaksud):

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan  
dan takwa .....”

Firman Allah s.w.t. di atas menunjukkan bahawa *hibah*, *ṣadaqah* dan hadiah  
hukumnya adalah sunat. Di dalam *Kitab I’ānat al-Tālibīn*, jilid ketiga halaman 145  
ada disebut, matan *Fath al-Mu’in* (yang bererti):

“Hibah, *sadaqah* dan hadiah hukumnya sunat dan yang paling baik  
ialah *ṣadaqah*”

Berdasarkan peruntukan undang-undang, kuasa mendengar dan memutuskan  
segala perguaman dan prosiding berhubung dengan pemberian masa hidup atau *hibah*  
dan seumpamanya diberi kepada Mahkamah Tinggi Syari’ah. Seksyen 32(1) Enakmen  
Pentadbiran Hal Ehwal Islam 1986 memperuntukan:

Mahkamah Tinggi Syar’iah hendaklah:

a) .....

b) dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan segala perguaman  
dan prosiding di mana semua pihak beragama Islam dan yang berhubung dengan -

(i)

(ii)

(iii)

(iv)

(v)

(vi) Pemberian masa hidup atau penyelesaian yang diperbuat tanpa balasan  
wang tunai atau benda yang bernilai wang oleh orang yang beragama Islam;

(vii)

(viii)

Untuk menjadikan sesuatu *hibah* itu sah menurut Hukum Syarak ianya  
hendaklah memenuhi rukun-rukun *hibah*. Rukun *hibah* sebagaimana yang disebut di  
dalam kitab *Mughnī al-Muhtaj* oleh Al-Sharbīnī jilid kedua muka surat 307 ada  
menyebut seperti berikut (yang bererti):

“Rukun *hibah* itu ada tiga iaitu, pihak-pihak yang melakukan *aqad*  
*hibah* terdiri daripada pemberi *hibah* (*wāhib*) dan penerima *hibah*

(*mawhūb lah*), *aqad melalui ijāb dan qabūl, dan adanya barang yang dihibahkan itu (mawhūb)*”

Di antara syarat-syarat ke atas pemberi *hibah* yang membolehkan *hibahnya* menjadi sah ialah dia adalah pemilik barang yang *dihibahkan* itu dan dia bebas menguruskan barang itu. Di dalam kes ini, menurut keterangan-keterangan yang dikemukakan, Nik binti Abdul Rahman meninggal dunia pada 24 Oktober 1977, lebih kurang sebulan selepas tarikh itu, Abdul Rahman @ Awang bin Ismail ada memberitahu Plaintiff bahawa tanah GM 2283 Mukim Kuala Nerus, Kuala Terengganu dibahagi dua iaitu 1/2 bahagian diberi kepada ibu Plaintiff dan 1/2 bahagian lagi kepada Abdul Rahman @ Awang bin Ismail.

Harta berkenaan tidak dibuat pindah milik kerana menurut keterangan Plaintiff ianya telah digadai kepada Bank. Harta tersebut adalah milik sepenuhnya Abdul Rahman bin Ismail. Abdul Rahman @ Awang bin Ismail meninggal dunia pada 20 Julai, 1981.

Di sini timbul dua andaian, pertama kalaulah benar semasa *aqad hibah* berlaku, harta yang *dihibahkan* itu telah digadai kepada Bank, ini bermakna *wāhib* telah tidak bebas lagi mengurus hartanya itu dan dengan itu salah satu syarat dalam rukun *aqad (wāhid dan mawhūb lah)* telah tidak dipenuhi. Hal ini menyebabkan *hibah* tidak sah dari pandangan Hukum Syarak.

Walaupun begitu mengikut rekod tanah berkenaan yang dikemukakan oleh Tuan Haji Talaha bin Ali, Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Terengganu, tanah itu pertama kalinya digadai kepada Bank Pertanian Malaysia pada 8 Februari 1978. Oleh itu pada ketika *hibah* ini berlaku tanah berkenaan belum lagi digadai. Keterangan yang mendakwa Abdul Rahman @ Awang bin Ismail memaklumkan geran (keterangan tanah) tidak ada kerana tanah berkenaan telah digadai dan dengan itu urusan pindah milik tidak dapat diuruskan adalah satu keterangan yang berlawanan dengan fakta yang sebenar atau boleh jadi keterangan Abdul Rahman @ Awang bin Ismail ketika itu hanya satu muslihat untuk mengaburi pandangan Plaintiff.

Kedua, sekiranya benar Abdul Rahman @ Awang bin Ismail membuat *hibah* di ketika tanahnya belum lagi digadai, dia adalah pemilik yang mempunyai kebebasan mengurus tanah itu dan syarat *wāhib* telah dipatuhi. Dalam keadaan ini timbul pula persoalan siapakah *mawhūb lah*, adakah Plaintiff atau ibu Plaintiff. Berdasarkan keterangan Plaintiff *mawhūb lah* ialah ibunya. Menurut hukum Syarak antara syarat-syarat penerima *hibah (mawhūb lah)* ialah dia adalah seseorang yang memiliki keahlian menguruskan harta. Ibu Plaintiff diketika *hibah* dibuat telah pun lebih kurang sebulan meninggal dunia. Dia tidak mempunyai keahlian menguruskan harta. Oleh itu *hibah* berkenaan tidak sah menurut Hukum Syarak.

Andainya benar Abdul Rahman @ Awang bin Ismail membuat *hibah* diketika tanah belum digadai iaitu sebagaimana fakta sebenarnya, dan penerima *hibahnya* ialah Plaintiff timbul pula persoalan adakah Plaintiff memiliki bahagian tanah yang *dhibah* itu sebaik sahaja dia menerima *hibah* itu. Menurut fakta yang dikemukakan di dalam kes ini, Plaintiff tidak memiliki pun barang *hibah* berkenaan.

Saksi Plaintiff kedua, Lijah binti Jusoh dalam keterangannya menyatakan bahawa cikgu Awang tak usik pun tanah itu cuma dia nak tuntutan hak ibu dia. Di dalam Hukum Syarak salah satu syarat kepada penerima *hibah* ialah, dia memiliki barang yang *dhibah* itu sebaik sahaja dia menerimanya. Di sini timbul persoalan, apakah yang dimaksudkan dengan “memiliki”. Di dalam *Kamus Dewan*, Edisi Baru, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989 “memiliki” diertikan sebagai “mempunyai”, “menggambil atau menjadikan sesuatu hak milik”. Di dalam kitab *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, juzuk kelima, muka 19 menyebut (yang bererti):

*“Para fuqaha berselisih pendapat dalam syarat penerimaan barang hibah oleh penerima hibah. Golongan Hanafi dan Shāfi’ī berpendapat bahawa penerimaan barang hibah adalah syarat yang mesti kepada berlakunya hibah, hinggakan golongan ini tidak mensabit mana-mana barang hibah menjadi milik kepada penerima hibah tanpa penerimaan. Pendapat golongan ini berdasarkan dalil sebagaimana yang diriwayatkan daripada Saiyidatina ‘Ā’ishah r.a. bahawa bapanya (Saidina Abū Bakr Al-Ṣiddīq) memberikan sebanyak 20 wasaq daripada hartanya. Ketika bapanya sedang nazak beliau berkata, “Wahai anakku, sesungguhnya kamu adalah orang yang paling disukai selepasku dan kamu juga dimuliakan kemiskinan selepasku. Aku mahu berikan harta ini kepadamu sebanyak 20 wasaq. Jikalau kamu mengambil dan menjaganya dengan baik, maka harta itu untukmu dan hari ini ia dikenali sebagai harta pusaka. (Janganlah kamu lupa) pada dua saudara lelaki dan perempuanmu, bahagi-bahagikanlah harta dengan nama kitab Allah. “Ā’isyah berkata, bahagian ini untuk saudara lelakiku. Siapa pula saudara perempuanku, dia ialah Asmā’, siapa lagi?” Kata Abū Bakr, “ Zū Baṭnī (yang mempunyai perut) binti Kharījah, aku menganggapnya sebagai khadam perempuan.”*

Nas ini menjelaskan tentang syarat penerimaan untuk mengesahkan pemberian. Pemberian barang dapat dipunyai dengan penerimaan, seperti kata Abū Bakar tadi. “Jikalau kamu mengambil dan menjaga dengan baik, harta itu adalah untukmu”. Kata ‘Umar r.a. : lelaki yang memberi harta kepada anak-anaknya, kemudian mereka

memegang atau menerima harta itu, jika salah seorang anaknya mati, bapa berkata : “Hartaku ada padaku, aku tidak akan berikan kepada seoranganpun.” Bila bapa hampir mati, dia berkata pula, “Harta ini untuk anakku, aku telah berikan kepadanya, oleh itu sesiapa yang memberikan barang, tetapi tidak memutuskan pemberiannya itu dan terus mengekalnya hingga ia mati, harta itu diberi kepada pewarisnya, pemberian seperti ini dibatalkan.”

Dalam kes ini contoh penerimaan termasuklah menggunakan harta yang *dihibah* seperti memajukan harta itu dengan membina rumah di atasnya atau menanam dengan sebarang tanaman yang berfaedah, yang mana menunjukkan harta itu dimiliki. Perkara-perkara ini menurut keterangan yang dikemukakan tidak berlaku di dalam kes ini. Oleh yang demikian Mahkamah dapati syarat penerimaan atau pemilikan telah tidak dipenuhi. Dengan itu Mahkamah berpendapat *hibah* telah tidak berlaku di dalam kes ini.

Di dalam kes ini sekiranya syarat-syarat dalam pemberi *hibah* dipenuhi tetapi syarat-syarat dalam penerima *hibah* telah tidak dipenuhi menyebabkan rukun pertama *hibah* iaitu aqad telah menjadi tidak sah. Dengan yang demikian *hibah* tidak wujud lagi.

Mengenai rukun kedua *hibah*, *ṣiḡah* iaitu lafaz *ijāb* daripada pemberi *hibah* dan *qabūl* daripada penerima *hibah*, sekali lagi di dalam kes ini perlu ditentukan siapakan penerima *hibah*, sebelum ditentukan bentuk *ijāb*nya. Menurut fakta-fakta yang dikemukakan oleh Plaintiff dan saksi-saksinya jelaslah penerima *hibah* ialah ibu Plaintiff iaitu Nik binti Abdul Rahman yang telah meninggal pada 24 Oktober 1977, manakala *hibah* didakwa berlaku sebulan setelah matinya Nik. Kedudukan fakta ini sahaja telah menunjukkan *hibah* tidak berlaku kerana gagal memenuhi syarat dalam rukun kedua ini.

Andainya Plaintiff menjadi penerima *hibah* di dalam kes ini adakah berlaku *qabūl*. Dari keterangan-keterangan Plaintiff dan ketiga-tiga orang saksinya Mahkamah dapati *qabūl* daripada Plaintiff tidak berlaku.

Menurut Hukum Syarak *hibah* menjadi sempurna apabila harta yang *dihibah* itu diterima di dalam majlis *hibah*, walaupun dengan tidak menyebut “Aku terima” tatkala pemberi *hibah* (*wāhib*) berkata, “Aku *hibahkan* harta ini kepada engkau”. Perkara ini disebut di dalam perkara 841 *Kitāb Al-Aḥkām Al-‘Adliyyah*, terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tajuk *Undang-Undang Sivil Islam*.

Di dalam perkara 844, kitab yang sama ada menyebut, “Jika pemberi memberi keizinan secara terang untuk diterima, penerima boleh menerima harta yang diberi itu dalam majlis *hibah* dan boleh juga selepas daripada perpisahan”.

Menurut keterangan saksi Plaintiff ketiga, Awi bin Noh, ayah tiri Plaintiff telah

*Awang bin Abdul Rahman lawan Shamsuddin bin Awang dan Zainuddin bin Awang*

mengukur dan pacak tanda di atas tanah untuk bahagian ibu Plaintiff dan bahagian ayah tiri Plaintiff sendiri dengan tidak menyebut langsung apakah tindakan Plaintiff. Keterangan saksi ini dikuatkan pula dengan keterangan saksi kedua Plaintiff Lijah binti Jusoh yang menerangkan cikgu Awang tak usik pun tanah itu cuma dia nak tuntutan hak ibu dia. Cikgu Awang di dalam keterangannya ialah Plaintiff.

Di dalam kes ini jelaslah rukun pertama dan rukun kedua *hibah* telah tidak disempurnakan, walaupun rukun ketiga *hibah* iaitu tanah GM 2283 Mukim Kuala Nerus, Kuala Terengganu dapat memenuhi syarat-syaratnya. Dengan yang demikian Mahkamah dapati *hibah* telah tidak berlaku di dalam tuntutan ini.

Di dalam kes ini tuntutan harta sepencarian tidak dapat ditimbang oleh Mahkamah, manakala tuntutan *hibah* pula Mahkamah dapati telah tidak memenuhi syarat *hibah* mengikut Hukum Syarak.

t.t.xxx

DATO' HAJI ISMAIL BIN YAHYA

19 Julai 1997.

## **KEPUTUSAN**

- (1) MAHKAMAH tidak dapat mensabitkan tanah yang memakai keterangan MG atau GM 2283 Lot 7860 Mukim Kuala Nerus, Daerah Kuala Terengganu, sebagai harta sepencarian antara Abdul Rahman bin Ismail dengan Nik binti Abdul Rahman.
- (2) MAHKAMAH sabit tidak berlakunya *hibah* antara Abdul Rahman bin Ismail yang dikenali juga sebagai Awang bin Ismail dengan Awang bin Abdul Rahman KP: 1112592 kira-kira sebulan selepas 24 Oktober 1977.
- 3) MAHKAMAH menolak tuntutan harta sepencarian Awang bin Abdul Rahman KP: 1112592. Plaintif, ke atas tanah memakai keterangan MG atau GM 2283 lot 7860 Mukim Kuala Nerus, Daerah Kuala Terengganu dengan kos. Kos akan ditaksir oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi Syari'ah Terengganu.

t.t.xxx

DATO' HAJI ISMAIL BIN YAHYA

19 Julai 1997.

DI BERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syari'ah Terengganu pada hari ini 29/7/1997

**PENDAFTAR**

*Kes ini dilaporkan oleh Prof. Madya Dr. Suwaid Tapah.*